

## **BAB 4 : KEMUNCULAN TAMADUN ISLAM DAN PERKEMBANGANNYA DI MAKKAH.**

### **( 1 ) Zaman Masyarakat Arab Jahiliah.**

#### **a) Apakah pengertian Jahiliah.**

1. Jahiliah daripada bahasa Arab iaitu jahala bermaksud jahil, tidak mengetahui atau tiada ilmu pengetahuan.
2. Masyarakat Arab Jahiliah ialah masyarakat yang hidup di Semenanjung Tanah Arab selepas runtuhnya empangan Maarib di Sabak hingga turunnya wahyu Allah s.w. kepada Nabi Muhammad s.a.w.
3. Mereka tidak menerima ajaran para nabi dan rasul sebelumnya seperti Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Musa, Nabi Isa.
4. Zaman ini dianggap zaman kegelapan kerana mereka tidak menyembah Allah Taala, mereka menyembah berhala dan menyembah anismisme.
5. Mereka juga tiada nabi, rasul dan kitab suci.
6. Akhlak mereka rendah – kejam, angkuh, degil.

#### **b) Ciri – ciri masyarakat Arab Jahiliah.**

1. Dua golongan iaitu Badwi ( tinggal di gurun dan pendalaman) dan Hadari ( tinggal dipesisiran pantai).
2. Mengamalkan perbuatan tidak bermoral – judi, zina, arak.
3. Pemabuk dianggap telah menjadi lelaki sempurna.
4. Wanita dipandang rendah – tidak mewarisi harta ibu bapa, bayi perempuan ditanam hidup – hidup (dianggap menjatuhkan maruah keluarga).
5. Lelaki boleh berkahwin dengan beberapa wanita dan sesiapa sahaja yang disukai.
6. Perniagaan – berasaskan riba, merompak/merampas satu kewajipan, orang kaya menindas orang miskin.
7. Kepercayaan – menyembah berhala, pokok, menilik nasib.
8. Agama samawi – Kristian, Yahudi, Hanif.
9. Sistem kabilah – berpuak – puak dalam suku tertentu, sangat taksub/fanatik dengan suku sendiri, diketuai oleh syekh (seseorang yang disukai, dipersetujui ramai, berani, gagah).
10. Semangat assabiah – semangat kesukuan melampau, terikat dengan peraturan kabilah, sanggup menuntun bela demi diri dan kabilah.
11. Keadaan geografi panas kering kontang- membawa sikap ingin berperang, kacau – bilau contohnya perang al – Basus.

### **( 2 ) Nabi Muhammad s.a.w. sebelum menjadi rasul.**

#### **a) Kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. sebelum menjadi rasul.**

1. Nabi keturunan Qusai bin Kilab (pemimpin Arab Quraisy).
2. Keluarga nabi menguasai Makkah, Kaabah, telaga zamzam.
3. Keturunan nabi bijak mentadbir Makkah dan bijak berniaga.
4. Bapa baginda ialah Abdullah bin Abdul Muttalib, ibunya ialah Aminah bt. Wahab.
5. Nabi dilahirkan pada tahun 570 M (Tahun Gajah) di rumah datuknya dan diberi nama Muhammad bermaksud terpuji.
6. Bapa nabi meninggal dunia ketika nabi dalam kandungan
7. Nabi menyusu dengan Halimatus Sa'diyah.

8. Pada usia 6 tahun ibu nabi meninggal dunia dan nabi dipelihara oleh datuknya. Kemudian datuknya meninggal dunia lalu dipelihara pula oleh datuk saudaranya Abu Talib.
9. Pengalaman hidup – mengembala kambing bapa saudaranya, berniaga di Syam ( usia 12 tahun ).
10. Kerasulan nabi telah diramal oleh pendeta Nasrani bernama Buhaira ketika rombongan perniagaannya singgah di Basrah.
11. Kemudiannya baginda menjalankan perniagaan Khadijah bt Khuwalid bersama – sama Maisarah ( hamba Khadijah ). Sifat terpuji baginda menyebabkan keuntungan berlipat kali ganda. Akhirnya nabi berkahwin dengan Khadijah.

**b) Keperibadian Nabi Muhammad s.a.w.**

1. Empat sifat terpuji nabi ialah benar, dipercayai, menyampaikan dan bijaksana.
2. Nabi digelar Al – Amin kerana dipercayai dan tidak pernah berbohong.
3. Sifat amanah menyebabkan Khadijah memberi modal yang besar kepada nabi.
4. Sifat kepimpinan baginda dilihat ketika menyelesaikan persengketaan meletakkan batu Hajar Aswad.
5. Nabi ketua keluarga contoh – membantu isteri memasak, menampal kain koyak, melayan anak.
6. Anak diberi pendidikan agama dan nabi menjadi teladan kepada anak – anak.
7. Baginda merendah diri – bergaul dengan orang kaya, miskin, tua, kanak – kanak.
8. Sifat pemaaf – contohnya mengampunkan kaum Quraisy ketika membuka semula Kota Makkah.
9. Sifat bijaksana – Perjanjian Hudaibiyah yang berat sebelah akhirnya menyebarkan agama Islam.
10. Bertahannuth (mengasingkan diri beribadat ) – di Gua Hirak.
11. Baginda sabar dan tabah mendaki Gua Hirak, di Bukit Nur.
12. Pada tahun 610 M menerima wahyu pertama.

**( 3) Nabi Muhammad s.a.w.**

**menyebarkan Islam di Makkah.**

**a ) Kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.**

1. Wahyu pertama – surah al – Alaq 1 – 5 yang memerintahkan umat Islam membaca. Islam menggalakkan umatnya membaca dan membuat kajian. Ilmu yang dituntut mestilah ilmu yang membina masyarakat.
2. Wahyu kedua – surah al – Muddasir ayat 1 – 7 yang mengisytiharkan nabi sebagai rasulullah dan wajib menyampaikan Islam kepada seluruh manusia.
3. Selepas itu nabi terus menerima wahyu dan menyebarkannya.
4. Perkara utama yang ditekankan ketika ini ialah akidah.

**b ) Cara penyebaran Islam di Makkah.**

1. Pada mula secara rahsia selama 3 tahun – ditujukan pada ahli keluarga nabi, para sahabat, dan kaum kerabat.
2. Secara terbuka selama 10 tahun – cara terang – terangan selepas menerima perintah Allah.
3. Pengislaman secara rahsia – Khadijah bt Khuwailid ( isteri ), Ali b. Abu Talib ( 10 tahun – sepupu ), Abu Bakar al – Siddiq ( sahabat baginda yang kemudiannya mengislamkan Uthman b. Affan dan al – Arqam b. Abu Arqam yang menjadikan rumahnya pusat kegiatan Islam di Makkah ).
4. Pengislaman secara terbuka – kepada keluarga Abdul Muttalib, ceramah di rumah Ali bin Abu Talib tetapi ditolak kuat oleh Abu Lahab ( bapa saudara nabi ).

**c) Penerimaan terhadap Islam peringkat awal.**

1. Ahli keluarga menerima secara rahsia (jumlahnya kecil).
2. Hamba memeluk Islam kerana layanan yang sama oleh Islam seperti Bilal b. Rabah, keluarga Yassir.
3. Mereka disiksa – Bilal dijerut lehernya oleh tuannya, Yassir dan isterinya dijemur di padang pasir hingga mati syahid.
4. Nabi menyebarkan Islam secara berhikmah dan lemah – lembut, tiada paksaan untuk memeluk Islam.
5. Nabi menanamkan iman yang kuat, harta bukan ukuran tetapi kesabaran dan pengorbanan yang diutamakan.
6. Nabi menunjukkan teladan positif – berakhlak mulia, kuat mental, fizikal, rohani dalam mencari kejayaan.

**d) Penentangan terhadap Islam peringkat awal.**

1. Cara penentangan ialah dengan mengganggu baginda ketika bersembahyang (meletakkan benda kotor di tengkuk nabi), mencemuh dan ingin membunuh nabi.
2. Faktor penentangan kerana perbezaan kepercayaan antara Islam (menyembah Allah) dan Quraisy (menyembah patung).
3. Islam ditentang kerana pertentangan sistem sosial seperti konsep persamaan taraf dan perbezaan darjat, konsep persaudaraan dan assabiah, amalan keji seperti mencuri dikeji Islam tetapi diterima Quraisy.
4. Quraisy menentang menerima Islam bermakna tunduk kepada kepimpinan nabi maka kuasa politik akan terganggu.
5. Dari segi ekonomi penerimaan Islam akan mengugat perusahaan membuat patung.
6. Penentangan juga dilakukan melalui syair Quraisy.
7. Quraisy juga merasuah nabi dengan wanita cantik dan harta tetapi ditolak baginda.
8. Nabi sekeluarga juga pernah dipulaukan selama 3 tahun tetapi dilindungi oleh Abu Talib.
9. Nabi juga dibantu oleh wanita seperti Khadijah, Aisyah, Ummu Salamah dalam menghadapi cabaran sama ada di Makkah mahupun di Madinah.

**e) Nabi Muhammad s.a.w. menyelesaikan masalah.**

1. Penentangan kian hebat selepas Abu Talib dan Khadijah meninggal dunia.
2. Nabi membenarkan orang Islam mendapatkan perlindungan di Habsyah.
3. Nabi dan Zaid Harithah ke Taif tetapi kurang berkesan.
4. Nabi tetap sabar sehingga akhirnya berhijrah ke Madinah.
5. Penghijrahan ke Madinah setelah menerima perintah Allah dan telah dijemput oleh suku Aus dan Khazraj.

